

Bahagian 2:

Penilaian motivasi di tempat kerja

Di dalam 'The Human Capital Edge' oleh Bruce Pfau dan Ira Kay menyatakan masyarakat mahukan penghargaan untuk hasil kerja individu mereka dengan bayaran yang setimpal selaras dengan hasil usaha yang ditunjukkan. Pekerja mahukan orang – orang yang tidak menunjukkan hasil kerja yang baik dipecat ataupun kurang berdisiplin dan keengganan pemecatan orang yang tidak menghasilkan kerja yang bagus merupakan suatu perkara yang menurunkan motivasi pekerja dalam sesebuah organisasi yang perlu diambil kira atau pun gagal untuk mengatasi masalah tersebut. Di antara aduan yang paling tinggi diterima ialah pembayaran yang sama antara orang memberikan hasil kerja yang baik dengan yang tidak.

Sebagai tambahan, penulis mendapati terdapat ketidak sinambungan yang berterusan antara pekerja yang berfikir apa yang dikehendaki oleh kerja dan apa yang mereka mahu. "Majikan selalu mengabaikan kepentingan pekerja seperti jadual kerja yang fleksibel atau peluang untuk mereka maju dalam kerjaya sama ada menyertai atau tidak sesebuah syarikat.

Pfau dan Kay menyatakan maknanya terdapat syarikat yang berusaha dengan gigih dan menggunakan sumber yang sedikit pada alat yang salah. Masyarakat mahukan majikan mereka membayar mereka lebih daripada kadar pasaran. Mereka mencari jadual kerja yang fleksibel. Mereka mahukan pilihan pasaran, peluang untuk belajar dan peningkatan dalam perkongsian rasional di sebalik keputusan pentadbiran dan arahan.

Sehubungan dengan itu, apakah yang boleh anda lakukan untuk motivasi pekerja dan nilai moral yang positif? Anda mempunyai maklumat yang banyak tentang apa yang orang mahukan dalam kerja. Kunci untuk mewujudkan suasana kerja yang baik ialah dengan mengambil kira motivasi seseorang individu itu iaitu apa yang mereka mahu dan perlukan. Saya mencadangkan anda bertanya pada pekerja anda apa yang mereka mahukan dalam kerja dan adakah mereka sudah mendapatkannya. Dengan maklumat di dalam tangan, saya boleh menjangkakan anda akan terkejut pada bagaimana mudahnya untuk anda menjana motivasi dan suasana kerja yang kondusif tanpa perbelanjaan yang mahal. Berikan perhatian pada kepentingan

orang yang bekerja dengan anda untuk mencapai motivasi dan moral yang positif. Anda pasti akan mencapai kejayaan yang menakjubkan dalam perniagaan anda.